

08/07/2003

Syor dokumentari berkaitan tokoh negara

Hassan Omar

KUALA LUMPUR: Kementerian Penerangan menawarkan syarikat pengeluar dokumentari menghasilkan bahan berkaitan tokoh negara bertujuan memberi kefahaman kepada generasi muda mengenai jasa mereka memajukan negara.

Kementerian berkenaan melalui Filem Negara Malaysia dan Radio Televisyen

Malaysia (RTM) akan memberikan kemudahan kepada syarikat itu menggunakan pelbagai bahan audio dan visual bagi menghasilkan dokumentari berkenaan.

Selain itu, syarikat penerbitan akhbar juga dipelawa menggunakan bahan berkenaan untuk menghasilkan jurnal jasa dan pengorbanan tokoh terbabit dalam pembangunan negara.

Menterinya, Tan Sri Khalil Yaakob berkata, penghasilan dokumentari dan jurnal berkenaan penting bukan setakat menghargai jasa mereka, malah membolehkan generasi muda lebih memahami keperitan mereka dalam melaksanakan tugas memajukan ekonomi, sosial dan politik.

"Kementerian menyimpan banyak bahan yang boleh diterbitkan. Yang penting

sekarang ialah skrip. Kementerian perlu meneliti skrip daripada mereka yang berminat menghasilkan dokumentari tokoh negara.

"Jasa mereka harus dipaparkan kepada masyarakat supaya dijadikan panduan

generasi muda dalam memajukan negara," katanya selepas merasmikan Seminar

Pemikiran Wanita: Menyelami Pemikiran Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali,

di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), di sini semalam.

Seminar sehari itu dianjurkan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS). Turut hadir, Presiden GPMS, Datuk Suhaimi Ibrahim. Ia bertujuan memberi pendedahan kepada wanita mengenai pemikiran Dr Siti Hasmah yang pragmatis, inovatif dan optimis.

Dr Siti Hasmah yang dilahirkan di Kampung Jawa, Klang pada 12 Julai 1926

adalah antara wanita Melayu pertama yang menjadi doktor. Ketika menuntut di Kolej Perubatan King Edward II, Singapura, beliau bersama Aminuddin Baki, Abdul Wahab Arif, Mohd Noor Marahakim dan Abdullah Majid

menubuhkan

GPMS pada 1948.

Khalil berkata, pemikiran dan pengorbanan Dr Siti Hasmah wajar dijadikan

bahan dokumentari kerana kejayaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memajukan

negara sedikit sebanyak dibantu melalui dorongan semangat yang diberikan Dr Siti Hasmah.

Ditanya mengapa Filem Negara atau RTM tidak menghasilkan sendiri dokumentari berkenaan berdasarkan pelbagai kemudahan dan bahan yang dimiliki agensi itu, Khalil berkata, kementerian menawarkannya kepada syarikat swasta bagi membolehkan pelbagai sudut penghasilan dokumentari digunakan.

"Kita tidak mahu mengehadkan idea. Kita boleh menggunakan pelbagai

sudut

berbeza yang lebih memperkaya bahan penyiaran," katanya.

Bagaimanapun, katanya, bahan berkenaan harus berkualiti dan mempunyai daya tarikan, terutama terhadap generasi muda.

Sehubungan itu, katanya, pelbagai program lain yang berkaitan dengan pemikiran Dr Siti Hasmah boleh dijadikan bahan rumusan untuk menghasilkan

dokumentari berkenaan.

Terdahulu, ketika berucap, Khalil berkata, pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) harus mencontohi pemikiran Dr Siti Hasmah ketika menjadi pelajar kerana sanggup bersusah-payah menubuhkan GPMS demi kebajikan pelajar Melayu.